

## Israel boleh dikenakan sekatan

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) boleh mengenakan sekatan terhadap Israel sekiranya negara itu tidak mematuhi Resolusi 377 yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung Khas PBB, Menteri Luar, Datuk Seri Dr. Rais Yatim memberitahu, apabila resolusi itu diterima oleh perhimpunan agung khas itu maka tindakan susulan boleh diambil oleh PBB.

Tindakan susulan itu seperti mengenakan sekatan terhadap Israel ataupun menggerakkan serta menghantar pasukan pengaman ke Semenanjung Gaza untuk memastikan rejim zionis menghentikan serangan serta kekejaman di wilayah tersebut "Perhimpunan agung khas ini amat ditunggu oleh Malaysia kerana Amerika Syarikat (AS) tidak boleh menggunakan kuasa vetonya bagi menghalang pelaksanaan resolusi tersebut," katanya.

Beliau ditemui selepas menghadiri majlis perasmian kampus utama Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara (IDFR) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini,

Rais bagaimanapun menegaskan, AS akan cuba untuk memastikan perkataan-perkataan yang digunakan dalam resolusi ke atas Israel itu tidak terlalu keras.

Katanya, perkara ini perlu diberi perhatian kerana sekiranya perkataan-perkataan yang digunakan memihak kepada Israel, ia tidak akan memberi kesan besar kepada usaha masyarakat dunia untuk menghentikan kekejaman rejim zionis terhadap penduduk Palestin.

Beliau berharap Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Datuk Hamidon Ali akan memastikan beberapa perkara penting seperti gencatan senjata, sistem

pemantauan supaya Israel berundur dari Gaza serta bantuan kemanusiaan dimasukkan dalam resolusi yang mungkin dibentangkan nanti.

Katanya, persetujuan untuk mengadakan perhimpunan khas itu menunjukkan kejayaan diplomasi Malaysia berikutan surat yang dihantar oleh Abdullah kepada Setiausaha Agung PBB, Ban Ki-moon dan juga kepada pemimpin negara lain.